

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Saturday, 21 April 2007

Dikemaskini pada Saturday, 24 July 2010

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(b) DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT), AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN ADALAH KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IKLAN MENURUT PERATURAN 38(b) IAITU KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN ATAU JABATAN DI MANA KEKOSONGAN JAWATAN DIKLANKAN

PERATURAN 38(b)

Syarat-Syarat Am:

PEMOHON adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

1. PENOLONG KETUA RANCANGAN-RANCANGAN TV
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Komunikasi Massa / Pengurusan atau bidang bersesuaian.

b) i) Berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penerbit Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

ii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

c) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.

Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:

- Peperiksaan Jabatan (jika ada);
- Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
- Peraturan-Peraturan Kewangan.

Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

PERINGATAN:

Bagi iklan jawatan bilangan 1 adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat Jabatan Radio Televisyen Brunei.

Tarikh Iklan: 22 JULAI 2010.

Tarikh Tutup Permohonan: 12 OGOS 2010.

Tempat Menghantar Borang Permohonan: PENGARAH RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARSUSSALAM.

Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam BILANGAN IKLAN : 70/2010.

**2. PENOLONG PENGARAH IMIGRESEN
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU(1)**

KELAYAKAN MINIMUM:

- i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
- ii) Berkhidmat di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sebagai Ketua Pegawai Imigresen Kanan atau jawatan sebanding dalam tanggagaji B.2 atau B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah berkhidmat di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sebagai Ketua Pegawai Imigresen Kanan atau jawatan sebanding dalam tanggagaji B.2 atau B.2 EB.3 tidak kurang dari 8 tahun.

Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:

- i) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
- ii) Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
- iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**3. PEGAWAI IMIGRESEN KANAN
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI C.1-2 EB.3 (\$1.280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (2)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- i)BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- ii)Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Imigresen atau jawatan sebanding dalam tanggagaji Bahagian IV tidak kurang dari 7 tahun.

Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

PERINGATAN:

Bagi iklan jawatan bilangan 2 dan 3 adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran.

Tarikh Iklan: 22 JULAI 2010.

Tarikh Tutup Permohonan: 12 OGOS 2010.

Tempat Menghantar Borang Permohonan: PENGARAH IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN, JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam BILANGAN IKLAN : 71/2010.

4. PEGAWAI LATIHAN KANAN
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Mekanikal / Arkitek / Juruukur Bahan.
- ii) Berkhidmat di Jabatan Kerja Raya sebagai Pegawai Latihan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.

Menjadi Ahli dan mempunyai pengiktirafan professional yang berkaitan adalah keutamaan.

Mempunyai Sijil atau Diploma in Training and Development adalah kelebihan.

Keutamaan diberikan kepada mereka yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan Latihan dan Sumber Manusia.

Pernah mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan perkembangan sumber manusia [Human Resource Development, HRD] atau pengurusan sumber manusia [Human Resource Management, HRM].

Mempunyai kemahiran dalam penggunaan Information Technology [IT].

Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam berikut:

- a. Peperiksaan Jabatan (jika ada);
- b. Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
- c. Peraturan - Peraturan Kewangan.

Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

5. ATENDAN JENTERA TAPISAN AIR TINGKAT KHAS
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN D.3 EB.4 (\$900 - \$1,465 SEBULAN)
KEKOSONGAN = LIMA (5)

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Berkhidmat di Jabatan Kerja Raya sebagai Atendan Jentera Tapisan Air Tingkat I dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 8 tahun atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

iii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 4 tahun.

b) Keutamaan akan diberikan kepada kakitangan yang telah tamat mengikut Program Perkembangan Teknikal Peringkat I anjuran Jabatan Kerja Raya.

c) Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

PERINGATAN:

Bagi iklan jawatan bilangan 4 dan 5 adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Jabatan Kerja Raya.

Tarikh Iklan: 22 JULAI 2010.

Tarikh Tutup Permohonan: 12 OGOS 2010.

Tempat Menghantar Borang Permohonan: KETUA PENGARAH KERJA RAYA, JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam BILANGAN IKLAN : 72/2010.

PEMBERITAHUAN :

Semua permohonan adalah melalui pengisian (1) satu salinan sahaja borang SPA 2 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Salinan sijil-sijil, surat-surat akuan dan yang berkenaan hendaklah disertakan.

Semua permohonan adalah melalui pengisian (1) satu salinan sahaja borang SPA2 yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Salinan sijil-sijil, surat-surat akuan dan yang berkenaan hendaklah disertakan.

Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai laporan penilaian prestasi ditahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

Semua permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan tidak lewat dari tarikh tutup iklan. Borang permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan tidak dilayan.

Bilangan kekosongan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut:

- o Menelefon 2381961 sambungan 530/537 atau 2383455 (Bahagian Iklan);
- o Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- o Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu :
Website:<http://www.spa.gov.bn/>

**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PEGHULU MUKIM PEKAN TUTONG, TUTONG Jabatan Daerah Tutong dengan sukacitanya mempelawa / menjemput penduduk-penduduk kampung yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapi pencalonan bagi mengisi kekosongan jawatan Penghulu Mukim Pekan Tutong, Daerah Tutong.

Tanggagaji : C3. EB4 iaitu \$1,990.00 hingga \$2,620.00 (Menurut surat keliling Jabatan Perdana Menteri bil: 5/1999, Negara Brunei Darussalam bertarikh 13 Zulkaedah 1419 bersamaan 2 Mac 1999).

KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM PEKAN TUTONG

Setiap calon Penghulu hendaklah :-

1. Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di Peringkat Tingkatan 3 atau kelulusan yang sebanding dengannya.
3. Beragama Islam dan mempunyai pengetahuan yang baik berhubung kait dengannya.
4. Berumur tidak kurang 40 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada tarikh pencalonannya.
5. Calon-calun yang terdiri daripada Ketua-Ketua Kampung di dalam Mukim Pekan Tutong, Daerah Tutong mereka hendaklah telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung dalam mukim tersebut tidak kurang 5 tahun serta mempunyai rekod prestasi yang sangat baik dan memuaskan.
6. Bermastautin di kampung di bawah Mukim Pekan Tutong tidak kurang dua (2 tahun) sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Penghulu Mukim Pekan Tutong hendaklah benar-benar tinggal di mukim yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.
7. Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.
8. Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian.
9. Tidak pernah diisytiharkan muflis di bawah Undang-Undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua [2] tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh mahkamah.
10. Mempunyai rekod prestasi yang sangat baik dan memuaskan bagi calon yang bekerja sama ada di pihak swasta atau kerajaan dan hendaklah menyertakan laporan prestasi kerja bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim Pekan Tutong adalah dimestikan :-

1. Mengisikan Borang Pencalonan yang disediakan khas oleh Jabatan Daerah Temburong dan ditandatangani oleh seorang calon dan dua orang penyokong. Borang pencalonan itu hendaklah ditandatangani oleh calon berkenaan sebagai pernyataan, pengakuan dan persetujuan keatas pencalonannya itu.
2. Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon bagi Penghulu Mukim berkenaan.
3. Sebarang penarikan diri dalam pencalonan itu hendaklah dibuat secara bertulis.
4. Calon Penghulu Mukim akan terlebih dahulu ditapis dari segi kelayakan.
5. Pencadang dan Penyokong-Penyokong hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap yang berumur 18 tahun pada tarikh pencalonan diadakan.
6. Pencadang dan penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk Mukim Pekan Tutong dan tinggal bermastautin di Mukim pekan Tutong, Tutong.
7. Penghantaran pencalonan selepas tarikh tutup tidak akan diterima.
8. Seorang Penghulu Mukim adalah dilantik atas Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
9. Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati daripada Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Tutong di pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah diisi seperti yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima.
10. Borang pencalonan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Tutong tidak lewat pada Hari Sabtu, 21 Ogos 2010 jam 3.00 petang.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN JAWATAN KOSONG SEBAGAI "ONLINE MANAGER COMMUNICATION AND PUBLIC
AFFAIRS DIVISION OF THE COMMONWEALTH SECRETARIAT"**

Division : Communications & Public Affairs Division

Closing Date : 4 August 2010

Education and Experience:

A First degree in journalism and Communication, internal Relations or politics.

More than 5 years working experience at least 2 of which at related senior professional level, work experience in a multilateral environment desirable

Desireable: A post graduate degree in internet & web technologies or similar.

Experience of graphic design and website software, site development and the hosting environment.

Syarat Asas:

1. Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam

Perhatian:

Calon-calon berminat hendaklah menghantar terus butir-butir peribadi (Curriculum Vitae) dengan disertakan bersama satu "Covering Letter" dalam bahasa Inggeris yang antara lain mengandungi maklumat mengenai pengalaman dan kemahiran yang berkaitan dengan jawatan yang dipohonkan kepada :

Human Resource Section,
Commonwealth Secretariat,
Malborough House Pall Mall,
London, SW1Y 5HX,
United Kingdom.

Tel : +44 020 7747 6190

Fax : + 44 020 7747 6520

Calon-calon yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai jawatan kosong yang ditawarkan dilaman web : www.thecommonwealth.org; dan Hanya calon-calon yang telah disenarai pendekkan akan di panggil untuk ditemu duga dan sekiranya tiada sebarang jawapan dalam masa tiga bulan dari tarikh tutup permohonan, maka permohonan calon tersebut dianggap tidak berjaya.

Sebarang Pertanyaan, Bolehlah Menghubungi :

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa, Kementerian Hal
Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan,
Pusat Persidangan Antarabangsa,
Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan,
BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Nombor Telefon : 2383374

Nombor Fax : 2383167

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JAWATAN KOSONG SEBAGAI FIELD CENTRE SUPERVISOR.
BAHAGIAN : II
TANGGAGAJI : UB.1 atau UB.1 EB.2
JABATAN/KEMENTERIAN : UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

a. Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan

Perkembangan Sosial Ekonomi dan Politik Negera Brunei Darussalam.

BAGI TANGGAGAJI UB.1

c. i. Mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma) dalam bidang Botany atau Ecology atau Environment Education atau Forestry dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Universiti Brunei Darussalam serta telah berkehidmat dalam tanggagaji C,3 dalam jawatan berkaitan selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

ii. Telah berkhidmat di Universiti Brunei Darussalam sebagai Penolong Penyelia Pusat Penyelidikan Luar dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Universiti Brunei Darussalam dalam jawatan yang berkaitanserta telah dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

BAGI TANGGAGAJI UB.1 EB2

c. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Botany atau Ecology atau Environment Education atau Forestry dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

d. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN

c. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.

d. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

a. Merancang dan menyelia kerja-kerja harian bagi semua kakitangan di bawah jagaanya.

b. Memastikan semua keperluan Pusat, seperti makanan, minyak dan sebagainya sentiasa mencukupi.

c. Memberi pemeriksaan secara berkala di lapangan.

d. Membuat pemeriksaan secara berkala di lapangan.

e. Mengawas dan memastikan kesejahteraan Pusat ini pada setiap masa

f. Lain-lain tugas seperti yang di arahkan oleh Ketua Pusat Kajian Luar Kuala Belalong dari semasa ke semasa.

Borang P1 boleh didapati di Pejabat Pentadbiran Bahagian Perjawatan, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapi bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (Selepas ini di panggil Kerajaan).

Pegawai-pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon.

b. Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan hendaklah disertakan.

c. Rekod Perkhidmatan.

Tahap Penilaian Prestasi pegawai-pegawai kerajaan sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Pemohonan yang diterima lewat daripada 19 Ogos 2010 tidak akan dilayan.

Pemohon boleh mendapatkan maklumat seperti syarat kelayakan serta tugas dan tanggungjawab jawatan berkenaan di Pejabat Pentadbiran Bahagian Perjawatan.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN

PENDAFTARAN DAN SETIAUSAHA

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

UP: BAHAGIAN PERJAWATAN

JALAN TUNGKU LINK, GADONG BS1410

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP IKLAN: 19 Ogos 2010

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

PENGAMBILAN PEKERJA 'SITE STAFF'

(Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian & Sumber-Sumber Utama)

1. AHLI KAJI PENYAKIT TUMBUHAN KANAN

Tanggagaji : B3 \$3,350 - \$3,640 sebulan
Tempoh : Kontrak 3 Tahun (Atau sehingga Projek Selesai)

KELAYAKAN :

- o Mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang Patologi Tumbuhan atau Pengurusan Penyakit Tanaman atau Perlindungan Tanaman atau bidang yang bersesuaian seperti Pertanian, Sains Tanaman, Botani Pertanian dan Hortikultur dengan pengkhususan dibidang Patologi Tumbuhan, Mikologi Tumbuhan, Bakteriologi Tumbuhan atau Virologi Tumbuhan daripada institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli.
- o Kelulusan akademik yang lebih tinggi seperti PhD dalam bidang yang tersebut adalah satu kelebihan.
- o Mempunyai pengalaman bekerja dan kemahiran teknikal, sekurang-kurangnya 10 tahun dalam bidang diagnostik, pencaman penyakit tanaman terutama sekali kulat/fungi, bakteria, virus, pengawalan penyakit tanaman, khidmat nasihat, pemantauan penyakit, merancang dan menjalankan kajian ke atas penyakit tanaman dan bidang yang berkaitan.
- o Keutamaan diberikan bagi yang mempunyai pengalaman bekerja dalam cuaca Tropika, terutama sekali yang mempunyai pengalaman dalam pencaman dan pengawalan penyakit tanaman bagi komoditi buah, sayur dan padi.
- o Mempunyai pengalaman yang bersesuaian dalam perancangan dan pengurusan projek.
- o Mempunyai pengalaman yang bersesuaian dalam membentuk dan merancang manual/protokol bagi pencaman dan pengurusan penyakit tanaman.
- o Mempunyai kemahiran dalam bahasa Inggeris (bertutur dan menulis) dengan kemahiran dan berpengalaman membuat rumusan maklumat saintifik serta kemahiran dalam membuat kertas kerja dan laporan yang baik dan teratur.
- o Keupayaan berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik adalah kelebihan.
- o Berpengetahuan yang luas dalam bidang komputer, termasuk penggunaan MS Office dan program saintifik seperti SPSS dan Minitab adalah kelebihan.
- o Berkeupayaan dalam melaksanakan beberapa tugas secara serentak samada persendirian atau berkumpulan dan mampu menjalankan tugas dengan baik di bawah tekanan.
- o Berkemahiran dalam penyelesaian masalah iaitu menilai situasi dan memberi keputusan yang sewajarnya dengan cepat.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- o Mengetahui undang-undang dan peraturan, garispandu dan piawai berkaitan dengan Perlindungan Tanaman khususnya dalam bidang Penyakit Tumbuhan, di dalam negeri dan antarabangsa seperti SPS dan IPPC.
- o Merancang, menyelaraskan dan mengendalikan penyelidikan mengenai penyakit tanaman termasuklah menyediakan kertas kerja serta mencari maklumat (literature search) mengenainya.
- o Menjalankan kerja-kerja diagnostik dan pencaman dan juga pengawalan ke atas penyakit tanaman terutama disebabkan oleh kulat/fungi, bakteria, virus dan nematod.
- o Membuat lawatan dan khidmat nasihat ke atas penyakit tanaman dan pengawalannya.
- o Mengenalkan teknik-teknik penyimpanan bagi herbaria dan kultur penyakit tanaman.
- o Membuat pemantauan ke atas status penyakit tanaman dari segi tahap jangkitan, perebakan dan kawasan dijangkiti dan menyediakan laporan mengenai pemantauan tersebut.
- o Menyediakan protokol-protokol pencaman penyakit tanaman yang bersesuaian samada cara pencaman manual/konvensional atau moden (PCR/molekular).
- o Menyediakan laporan, manual, panduan dan risalah-risalah mengenai penyakit tanaman dan pengawalannya.
- o Memberikan latihan mengenai penyakit tanaman dan pengawalannya kepada kakitangan Jabatan dan peladang.
- o Membantu dalam meningkatkan perkhidmatan dan peralatan-peralatan makmal termasuk mengawas keadaannya dari masa ke semasa.
- o Menghadiri mesyuarat jika diperlukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penyakit tanaman.
- o Melaksanakan tugas-tugas atau lain-lain arahan yang diberikan dari masa ke semasa.

2. PENOLONG PEGAWAI PATOLOGI TUMBUHAN

Tanggagaji : C3 \$1,735 - \$1,980 sebulan

KELAYAKAN :

- o Higher National Diploma (HND) dalam bidang Pengurusan Penyakit Tanaman, Perlindungan Tanaman atau bidang yang bersesuaian seperti Pertanian, Sains Tanaman, Botani Pertanian dan Hortikultur dengan pengkhususan dibidang Patologi Tumbuhan, Mikologi Tumbuhan, Bakteriologi Tumbuhan atau Virologi Tumbuhan daripada institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli.
- o Berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang diagnostik, pencaman penyakit tanaman terutama sekali kulat/fungi, bakteria, virus, pengawalan penyakit tanaman, khidmat nasihat dan menjalankan kajian di dalam bidang yang tersebut adalah diperlukan. Keutamaan diberikan bagi yang mempunyai pengalaman bekerja dalam cuaca Tropika, terutama sekali yang mempunyai pengalaman dalam pencaman dan pengawalan penyakit tanaman bagi komoditi buah, sayur dan padi.

- o Mempunyai keupayaan berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- o Mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam pengendalian system komputer, instrumentasi makmal dan teknik-teknik makmal adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- o Mengetahui undang-undang dan peraturan, garispandu dan piawai berkaitan dengan Perlindungan Tanaman khususnya dalam bidang Penyakit Tumbuhan, di dalam negeri dan antarabangsa seperti SPS dan IPPC.
- o Menjalankan kerja-kerja diagnostik ke atas penyakit tanaman.
- o Membuat lawatan dan khidmat nasihat ke atas penyakit tanaman dan pengawalannya.
- o Mengawas dan menjalankan kajian ke atas pengawalan penyakit tanaman terutama sekali yang disebabkan oleh kulat/fungi, bakteria, virus dan nematod.
- o Membuat pemantauan ke atas status penyakit tanaman dari segi tahap jangkitan, penebaran dan kawasan di jangkiti dan menyediakan laporan mengenai pemantauan tersebut.
- o Mengumpul data-data kajian dan pemantauan untuk dianalisa.
- o Membantu dalam penyediaan protokol-protokol pencaman penyakit tanaman yang bersesuaian sama ada cara pencaman manual/konvensional atau moden (PCR/molekular).
- o Mengendalikan kerja-kerja pengawetan/koleksi herbaria sampel penyakit tanaman.
- o Menyediakan laporan, manual, panduan dan risalah-risalah mengenai penyakit tanaman dan pengawalannya.
- o Memberikan latihan mengenai penyakit tanaman dan pengawalannya kepada kakitangan Jabatan dan peladang.
- o Membantu dalam meningkatkan perkhidmatan dan peralatan-peralatan makmal termasuk mengawas keadaannya dari masa ke semasa.
- o Melaksanakan tugas-tugas atau lain-lain arahan yang diberikan dari masa ke semasa.

PERATURAN AM :

Calon-calon yang dipilih hendaklah mempunyai sikap bermotivasi, dapat bertugas secara berkumpulan dan bersedia untuk bertugas bila-bila masa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) pada hari bertugas biasa atau cuti awam dan bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Brunei Darussalam jika dikehendaki.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN :-

Pemohon yang berjaya akan dilantik selama 3 tahun secara berkontrak. Pembaharuan kontrak tertakluk kepada persetujuan bersama.

Lantikan akan diberi secepatnya kepada pemohon yang berjaya.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki menyertakan maklumat kelulusan yang lengkap dan gambar/foto terbaharu (tidak dikembalikan) bersama borang permohonan secara bertulis.

Jawatan yang dipohonkan hendaklah ditanda dengan terang/jelas di sampul surat dan dialamatkan kepada :

PENGARAH PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Pemohon adalah dibenarkan untuk menghadapkan permohonan melalui talian fax nombur 2382226 berserta dengan maklumat yang diperlukan sebelum tarikh tutup iklan dan kemudian mengirim secara pos dengan segera.

Hanya pemohon yang dipilih akan di hubungi untuk di temuduga. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat diatas tidak lewat pada 31 Julai 2010. Jawatan yang dipohonkan boleh juga diperolehi dalam website:

<http://www.agriculture.gov.bn>

JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PENGHULU MUKIM BANGAR, DAERAH TEMBURONG PEGHULU MUKIM BANGAR, DAERAH TEMBURONG

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong dengan sukacitanya mempelawa / menjemput penduduk-penduduk kampung yang bermastautin di Daerah Temburong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi kekosongan jawatan Penghulu Mukim Bangar, Daerah Temburong.

Tanggungaji : C3. EB4 iaitu \$ 1,990.00 hingga \$ 2,620.00

KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM BATU APOI Setiap calon Penghulu hendaklah :-

a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

- b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di Peringkat Tingkatan 3 atau kelulusan yang sebanding dengannya.
- c) Beragama Islam dan mempunyai pengetahuan yang baik berhubungkait dengannya.
- d) Berumur tidak kurang 40 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada tarikh pencalonannya.
- e) Calon-calun yang terdiri daripada Ketua-Ketua Kampung di dalam Mukim Bangar Daerah Temburong mereka hendaklah telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung dalam Mukim tersebut tidak kurang 5 tahun serta mempunyai rekod prestasi yang sangat baik dan memuaskan.
- f) Bermastautin di kampung di bawah Mukim Bangari tidak kurang dua (2 tahun) sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Penghulu Mukim Batu Apoi hendaklah benar-benar tinggal di mukim yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.
- g) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan Negara.
- h) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian.
- i) Tidak pernah diisytiharkan muflis di bawah Undang-Undang yang dikuatkuasakan di Negara ini dalam tempoh dua [2] tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh Mahkamah.
- j) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam selok-belok kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat mukim berkenaan.
- k) Mempunyai rekod prestasi yang sangat baik dan memuaskan bagi calon yang bekerja sama ada di pihak swasta atau kerajaan dan hendaklah menyertakan laporan prestasi kerja bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

2. Setiap pencalonan bagi mengisikan Jawatan Penghulu Mukim Bangar adalah dimestikan:-

- a) Mengisikan Borang Pencalonan yang disediakan khas oleh Jabatan Daerah Temburong dan ditandatangani oleh seorang calon dan dua orang penyokong. Borang pencalonan itu hendaklah ditandatangani oleh calon berkenaan sebagai pernyataan, pengakuan dan persetujuan keatas pencalonannya itu.
- b) Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon bagi Penghulu Mukim berkenaan
- c) Sebarang penarikan diri dalam pencalonan itu hendaklah dibuat secara bertulis.

3. Calon Penghulu Mukim akan terlebih dahulu ditapis dari segi kelayakan.

4. Calon dan Penyokong-Penyokong hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di Mukim yang berkenaan yang berumur 18 tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

5. Bagi pegawai-pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat di Jabatan masing-masing ataupun dari pihak swasta hendaklah terlebih dahulu menghadapkan surat kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu bersama semasa menghadapkan borang pencalonan.

6. Pencalonan dan penamaan calon atau calon-calun selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan diterima.

7. Seorang Penghulu Mukim adalah dilantik atas Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

8. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Penghulu).

Cara memohon :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati daripada Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Temburong di talian 5221110 / 5221266 / 5221265 / 5221231 ext 119 pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah diisikan mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima.

Borang pencalonan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Temburong tidak lewat pada Hari Khamis, 5 Ogos 2010 jam 4.00 petang.

JAWATAN KOSONG SEBAGAI PENGHULU MUKIM BATU APOI DAN PENGHULU MUKIM BANGAR, DAERAH TEMBURONG
PENGHULU MUKIM BATU APOI, DAERAH TEMBURONG

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong dengan sukacitanya mempelawa / menjemput penduduk-penduduk kampung yang bermastautin di Daerah Temburong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi kekosongan jawatan Penghulu Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong.

Tanggagaji : C3. EB4 iaitu \$ 1,990.00 hingga \$ 2,620.00

KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM BATU APOI 1) Setiap calon Penghulu hendaklah :-

- a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di Peringkat Tingkatan 3 atau kelulusan yang sebanding dengannya.
- c) Beragama Islam dan mempunyai pengetahuan yang baik berhubungkait dengannya.
- d) Berumur tidak kurang 40 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada tarikh pencalonannya.
- e) Calon-calon yang terdiri daripada Ketua-Ketua Kampung di dalam Mukim Batu Apoi, Daerah Temburong mereka hendaklah telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung dalam Mukim tersebut tidak kurang 5 tahun serta mempunyai rekod prestasi yang sangat baik dan memuaskan.
- f) Bermastautin di kampung di bawah Mukim Batu Apoi tidak kurang dua (2 tahun) sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Penghulu Mukim Batu Apoi hendaklah benar-benar tinggal di mukim yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.
- g) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan Negara.
- h) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian.
- i) Tidak pernah diisytiharkan muflis di bawah Undang-Undang yang dikuatkuasakan di Negara ini dalam tempoh dua [2] tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh Mahkamah.
- j) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam selok-belok kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat mukim berkenaan.
- k) Mempunyai rekod prestasi yang sangat baik dan memuaskan bagi calon yang bekerja sama ada di pihak swasta atau kerajaan dan hendaklah menyertakan laporan prestasi kerja bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

2) Setiap pencalonan bagi mengisikan Jawatan Penghulu Mukim Batu Apoi adalah dimestikan:-

- a) Mengisikan Borang Pencalonan yang disediakan khas oleh Jabatan Daerah Temburong dan ditandatangani oleh seorang calon dan dua orang penyokong. Borang pencalonan itu hendaklah ditandatangani oleh calon berkenaan sebagai pernyataan, pengakuan dan persetujuan keatas pencalonannya itu.
- b) Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon bagi Penghulu Mukim berkenaan
- c) Sebarang penarikan diri dalam pencalonan itu hendaklah dibuat secara bertulis.

3) Calon Penghulu Mukim akan terlebih dahulu ditapis dari segi kelayakan.

4) Calon dan Penyokong-Penyokong hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di Mukim yang berkenaan yang berumur 18 tahun pada tarikh pencalonan

diadakan.

5) Bagi pegawai-pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat di Jabatan masing-masing ataupun dari pihak swasta hendaklah terlebih dahulu menghadapkan surat kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu bersama semasa menghadapkan borang pencalonan.

6) Pencalonan dan penamaan calon atau calon-calon selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan diterima.

7) Seorang Penghulu Mukim adalah dilantik atas Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

8) Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Penghulu).

Cara memohon :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati daripada Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Temburong di talian 5221110 / 5221266 / 5221265 / 5221231 ext 119 pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah diisikan mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima.

Borang pencalonan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Temburong tidak lewat pada Hari Khamis, 5 Ogos 2010 jam 4.00 petang.

JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPUNG BELAIS DAN BUDA-BUDA, MUKIM BOKOK, DAERAH TEMBURONG ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong dengan sukacitanya mempelawa/ menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kawasan Kampung Belais dan Buda-Buda, Daerah Temburong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, Mukim Bokok, Daerah Temburong.

Tanggagaji : C1. EB2 iaitu \$ 1,280.00 hingga \$ 1,930.00

KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG BELAIS DAN BUDA-BUDA :- 1) Setiap calon Ketua Kampung hendaklah :-

a. Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di Peringkat Tingkatan 3 atau kelulusan yang sebanding dengannya.

c. Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang dua [2] tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.

d. Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada tarikh pencalonannya.

e. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

f. Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan Negara.

g. Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian; dan

h. Tidak pernah diisytiharkan muflis di bawah Undang-Undang yang dikuatkuasakan di Negara ini dalam tempoh dua [2] tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh Mahkamah.

2) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan jika dilantik sebagai Ketua Kampung hendaklah terlebih dahulu menamatkan perkhidmatannya sebagai Pegawai Kerajaan.

3) Calon Ketua Kampung akan terlebih dahulu ditapis dari segi kelayakan.

4) Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

5) Pencadang dan Penyokong-Penyokong seorang calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan yang berumur 18 tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

6) Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat di Jabatan masing-masing ataupun dari pihak-pihak swasta hendaklah terlebih dahulu menghadapkan kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu bersama semasa menghadapkan borang pencalonan.

7) Pencalonan dan penamaan calon atau calon-calon selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan diterima.

8) Seorang Ketua Kampung adalah dilantik atas Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

9) Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

Cara memohon :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati daripada Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Temburong di talian 5221110 / 5221266 / 5221265 / 5221231 ext 119 pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah diisikan mengikut apa yang dikehendaki dalam borang tersebut dan borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima.

Borang pencalonan tersebut hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Temburong tidak lewat pada Hari Khamis, 5 Ogos 2010 jam 4.00 petang.

Dikemaskini 24 Julai 2010 (Sabtu)